

TERMA & SYARAT (edisi 1-01-2021)
AKAUN TABUNG DIRHAM AL-ASR dan Program-Program AL-ASR
KL ASSAY OFFICE (M) SDN BHD

1. Pembukaan Akaun Tabung Dirham Al-Asr

1.1	Semua permohonan untuk membuka Akaun TABUNG DIRHAM AL ASR hendaklah menggunakan borang daripada KL Assay Office (M) Sdn Bhd sahaja
1.2	Pihak kami TIDAK melantik mana-mana pihak untuk mewakili KL Assay Office.
1.3	Tempoh program TABUNGAN DIRHAM AL ASR adalah 12 bulan
1.4	Pengeluaran nombor akaun setiap Penabung adalah mengikut turutan permohonan
1.5	Maklumat Penabung adalah dilindungi di bawah PDPA seperti: NAMA, No. KAD PENGENALAN, ALAMAT dan NO TELEFON.
1.6	KL Assay Office berhak untuk menetapkan dan mengubah dari semasa ke semasa jumlah minima deposit permulaan untuk pembukaan Akaun Tabung Dirham Al-Asr.
1.7	Caj urus-tadbir pembukaan Akaun Tabung Dirham sebanyak 1Dirham Perak 999 kepada Penabung yang berjaya untuk tempoh 12 bulan program tersebut.
1.8	Kadar pertukaran/nilai Jualan adalah MYR 18-00 kepada 1Dirham Al Asr Perak 999 seunit MYR 180-00 kepada 10dirham Bismillah Perak 999 seunit Pihak pengurusan KL ASSAY OFFICE, berhak mengubah kadar nilai jualan dirham jika perlu.
1.9	Jenis dirham yg digunakan adalah seperti berikut 1.9.1. Bilangan 1 sehingga 9 akan menggunakan 1Dirham Al Asr Perak 999 hanya yang dikeluarkan oleh KL ASSAY OFFICE 1.9.2. Bilangan 10 akan menggunakan 10Dirhambismillah Perak 999 hanya yang dikeluarkan oleh KL ASSAY OFFICE

2. Program Simpanan: "ANDA BELI, KAMI SIMPAN"

2.1	Program ini hanya menggunakan 1Dirham perak 999 dan 10Dirhambismillah Perak 999 mengikut bilangan yang disimpankan.
2.2	Penabung hanya dibenarkan memilih satu (1) program sahaja bagi tempoh tabungan dan bilangan deposit adalah ditetapkan adalah seperti berikut:

PROGRAM I	PENABUNGAN sebanyak DUA (2) x 10Dirhambismillah Perak 999 setiap bulan selama 12 bulan (hanya bulan pertama sahaja 21Dirham Perak)
PROGRAM II	PENABUNGAN sebanyak SATU (1) x 10Dirhambismillah Perak 999 setiap bulan selama 12 bulan (hanya bulan pertama sahaja 11Dirham Perak)
PROGRAM III	PENABUNGAN sebanyak LIMA (5) x 1Dirham Al-Asr Perak 999 setiap bulan selama 12 bulan (hanya bulan pertama sahaja 6Dirham Perak)

2.3	Waktu Penabungan adalah diwajibkan pembelian DIRHAM PERAK secara berterusan sehingga tempoh 12 bulan; sebelum atau pada 5hb pada SETIAP bulan
2.4	Pembelian Dirham Perak boleh dilakukan dengan pembayaran terus kepada no akaun seperti berikut Nama Syarikat : KL ASSAY OFFICE (M) SDN BHD Bank : Bank Islam Berhad No Akaun : 12113010071326 dengan menyatakan Nombor Akaun Penabung dan bilangan dirham. Contoh, A123456789 20D.
2.5	Semua Dirham Perak yang dibeli akan disimpan didalam fail Penabung dipremis KL ASSAY OFFICE .
2.6	KL ASSAY OFFICE akan memaklumkan kedudukan bilangan tersebut melalui SMS dan Whatsapp atau e-mail.
2.7	KL Assay Office akan JAMIN-SIMPAN sehingga arahan rasmi pengeluaran setelah tamat tempoh penabungan atau pembatalan atau kegagalan pematuhan terma dan syarat oleh penabung.
2.8	Semua aktiviti program tersebut mesti dibuat mengikut prosedur dan/atau proses sebagaimana yang telah ditentukan oleh KL Assay Office dari semasa ke semasa. Sekiranya prosedur tersebut tidak dapat dipatuhi, Pihak KL Assay Office mempunyai hak untuk menolak sebarang transaksi deposit.

3. Program Dirham-Dinar: "ANDA DINAR, KAMI DIRHAM"

3.1	Penabung yang berjaya memenuhi terma dan syarat penabungan akan dapat menikmati pertukaran 52 Dirham Perak kepada 1 Dinar Emas 917 Al Asr . Pihak pengurusan KL ASSAY OFFICE, berhak mengubah kadar pertukaran dirham kepada dinar jika perlu.
3.2	Pertukaran Dirham-Dinar akan dilaksanakan seperti yang dijadualkan pada JADUAL TABUNGAN SETIAP PROGRAM (Rujuk Lampiran JADUAL)
3.4	KL ASSAY OFFICE akan memaklumkan kedudukan bilangan tersebut melalui SMS dan Whatsapp.
3.5	1Dinar Emas 917 Al-Asr akan disimpan-jamin sehingga penabung keluarkan secara rasmi bila-bila waktu berkerja selepas klausa 3.2.

4. Program Pengeluaran: "Kamu Keluarkan, Kami Rancangkan"

4.1	Sebarang pengeluaran yang dibuat daripada Tabung Dirham sama ada selepas atau sebelum tempoh matang, adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini dan tertakluk kepada keperluan KL Assay Office dan/atau kepada amalan semasa KL Assay Office, dan/ atau tertakluk kepada bukti identiti seperti yang dikehendaki oleh KL Assay Office.
4.2	Urusan rasmi pengeluaran MESTI melalui SMS atau Whatsapp sahaja atau di pejabat KL Assay Office
4.3	Tiada pengeluaran pihak ketiga dibenarkan.
4.4	Nominasi pengeluaran adalah seperti berikut:

Bilangan Dirham TABUNGAN	Syilling yang digunakan
1 hingga 9	1Dirham Al-Asr Perak 999
Setiap 10	10Dirhambismillah Perak 999
Setiap 52	1 DINAR Al-Asr Emas 917

4.5	Tiada caj penghantaran sekiranya Penabung "self-collect" untuk pengeluaran DIRHAM PERAK 999 atau DINAR EMAS 917 di KL Assay Office
4.6	Caj pos akan dikenakan sekiranya Penabung ingin menggunakan penghantaran melalui pos.
4.7	KL Assay Office juag menawarkan Belian Dirham Perak 999 dan Dinar Emas 917 pada nilai tersebut:

Syilling Nominasi Dirham	Harga belian oleh KL Assay Office (Pihak pengurusan KL ASSAY OFFICE, berhak mengubah kadar belian jika perlu)
1DIRHAM AL-ASR PERAK 999	MYR 16
10DIRHAMBISMILLAH PERAK 999	MYR 160
1DINAR AL-ASR EMAS 917	MYR 832

4.8	Nilai pembelian tersebut akan dipindahkan kepada akaun bank yang dinyatakan oleh Penabung.
-----	--

KL ASSAY OFFICE BERHAK MENGUBAH TERMA DAN SYARAT BILA BILA MASA JIKA PERLU.